



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- |  |   |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>● YB Menteri</li><li>● YB Timbalan Menteri</li><li>● YBhg. KSU</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>● YBhg. TKSU (PPDN)</li><li>● YBhg. TKSU (PP)</li><li>● Setiausaha Akhbar</li></ul> |
|--|---|

*Tarikh: 27 JUN 2024*



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# ‘Laksana mekanisme sama seperti diesel cegah penyeludupan petrol’

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan mekanisme sama seperti dilakukan untuk mengawal penyeludupan diesel bagi petrol.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata operasi pencegahan itu dibuat secara berturusan untuk memastikan kegiatan penyeludupan terutama stesen minyak berdekatan sempadan dan tidak terus dilakukan.

“KPDN menjalankan operasi sama bagi mengawal penyeludupan melalui ‘Ops Tiris’.

“Tindakan itu diambil mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 112] yang mana kesalahan itu boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau ke-

dua-duanya bagi kesalahan pertama.

“Seterusnya bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas mengenai tin-

dakan yang akan diambil KPDN susulan penyeludupan diesel kini bertukar kepada petrol di sempadan di Kelantan.

Dalam pada itu, berdasarkan akta sama, bagi pertubuhan atau perbadanan, denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Dalam pada itu, dalam isu kenaikan harga barang terutama dihadapi pengusaha baki dan kuih tradisional meskipun harga telur diturunkan tiga sen baru-baru ini, Fuziah berkata faktor itu tidak berkaitan dengan penyasarannya subsidi diesel.

Katanya, pihaknya menerima aduan daripada pengusaha baki dan kuih-muih sudah lama yang mana ia berkaitan harga koko dan barang import lain.

“Harga barang import itu sudah lama dilaporkan dan ia adalah faktor luaran kerana koko antara produk yang diimport untuk memenuhi pasaran.

“Namun apa yang kita ingin tegaskan, kenaikan barang bagi pembuatan kuih-muih tidak kecuali mengena dengan subsidi diesel,” katanya.

**KPDN menjalankan operasi sama bagi mengawal penyeludupan melalui ‘Ops Tiris’**

**Fuziah Salleh,**  
Timbalan Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



# Bantuan tunai bersasar tangani kesan kadar inflasi negara

**Strategi dirangka kurangkan implikasi penyasaran subsidi bahan api**

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasruddin Parai  
zanariah\_mutali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Inisiatif penyerasan semula subsidi membikin bahan api digantik membeli kesan kepada kadar inflasi negara, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Rafizi menurapkan, bahan api yang sebelumnya disebabkan peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar, merupakan sebahagian daripada jawapan bersama-sama demas bantuan tunai bersasar nian membantu mengurangkan kesan itu.

Sobat contoh, kerajaan masih memberikan subsidi dan mengekalkan harga diesel pada kadar RM2.15 setiap kepada 25 jenama kenderaan logistik melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubs-

idi (SKDS) 2.0, pengeluaran hingga diesel RM1.88 bagi pengangkutan awam darul termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bohong, kadar RM1.88 lokasi keputus melainkan turut menyediakan bantuan subsidi tunai RUTH MADANI.

"Bank Negara Malaysia (BNM) melalui penerbitan Tajuk Ekonomi dan Monetari 2023 mengakui pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan memberi implikasi jangka pendek kepada kadar inflasi negara.

"Kadar inflasi bagi 2024 diungkapkan pada kadar antara dua hingga 3.5 peratus.

"Keadaan ini sebahagiannya disebabkan peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme pelaksanaan subsidi bahan api," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam menawab soalan Datuk Mohd Shahru Abdullah (BN-Pulau Besar).

Rafizi berkata, kedudukan fiskal kerajaan mungkin mencabar dan memerlukan komitmen bagi menyasarkan semula subsidi yang menjadi antara komponen utama dalam belan-

jawan mengurus.

Mengenal langkah militan, Rafizi berkata, berdasarkan imbauan yang dilakukan beberapa organisasi amaliansa seperti S&P Global, EIU dan Bloomberg, purata harga global bagi minyak Brent ditutup pada AS\$85 setiap bagi 2024.

"Nugosmataupun, jika harga minyak naik sejauh mendadak, kerajaan melalui Kementerian Kewangan, BNM dan Kementerian Ekonomi akan membuat penyeitan semula menghadir keseruan semasa. Ini bagi memastikan eayat, terutama golongan berpendapatan rendah tidak terbebas daripada sebarang perubahan harga," katanya.

Keadaan ini sebahagiannya disebabkan peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar, terutama membabitkan subsidi bahan api.

Rafizi Ramli,  
Menteri Ekonomi

Menjawab soalan Datuk Seri Richard Riot Anak Jaure (GPS-Serian), Rafizi berkata kerajaan sedang mempertimbangkan melaksana rasionalisasi subsidi ke atas petrol RON95.

## Antara langkah bersesuaian

Katanya, jika rasionalisasi subsidi ke atas bahan bakar itu dilaksanakan akan datang kerajaan akan mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan golongan terkesan diberikan bantuan sewajarnya.

"Namun, bantuan ini, jumlah dan kuatmasa akan diherikan kepada pelaksanaan subsidi diesel sehingga pelaksanaan penyasaran subsidi diesel


mengjadi stabil.

"Sekali gus mencapai objektif ditetapkan, antaranya untuk memperkuatkan kemampuan fiskal negara serta mengurangkan ketarusan dalam penganggaran subsidi diesel," katanya.

Rafizi berkata penyasaran seputu subsidi saiz satu anjakan lima tahun Kajian Separuh Pemangku Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK2-12), pertama dalam usaha memperkuatkan kemampuan fiskal dan memastikan harga kumpulan sasaran termurah layak merentas bantuan dan subsidi.

"Sejak 2016, kerajaan sudah menyediakan peruntukan subsidi dan bantuan sosial secara purata sebanyak RM23.0 billion setahun. Jumlah ini melonjak kepada RM67.3 billion pada 2022 akibat kenaikan harga komoditi minyak mentah dan minyak soya.

"Memandangkan subsidi bahan api komoditi kedua terbesar meliputi 12.3 peratus dari riwayat perbelanjaan mengurus pada 2023, terdapat keperluan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api," katanya.



KPDN Kelantan cadang pasang CCTV di stesen minyak dekat sempadan

Keratan akhbar  
BH 20 Jun lalu.

# KPDN tarik lesen stesen minyak jika larang pasang CCTV

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) akan menarik lesen operasi stesen minyak yang melarang pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dilaksanakan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, berkata pemasangan CCTV di stesen minyak di sempadan akan dilaksanakan tahun ini, sejajar usaha menangani masalah penyeludupan petrol dan diesel.

Beliau mengakui ada pengguna stesen minyak membantah angkah pemasangan CCTV di premis dengan alasan tiada privasi dan faktor keselamatan.

"Kita tidak mengambil kira ilasan berkenaan, apa yang pasti kita mahu memastikan aktiviti penyeludupan petrol dan diesel dapat ditangani."

.....  
"Perbincangan berhubung perkara itu kini sudah pada peringkat akhir.

"Pihak kementerian meminta saya membuat pemilihan stesen untuk pemasangan CCTV itu, nemabitkan stesen minyak di Engkalan Kubor, Rantau Panjang dan Bukit Bunga.

"Kita akan menarik lesen perniagaan pengusaha yang enggan membenarkan pemasangan CCTV dibuat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menerusi pemasangan CCTV berkenaan, pihaknya akan memantau terus dari pejabat dan oleh melihat aktiviti di stesen minyak berkenaan.

Azman yakin pemasangan CCTV mampu mengurangkan aktiviti penyeludupan dengan setara.

Kelmarin, media melaporkan pam diesel di beberapa stesen minyak sekitar kawasan sempadan di sini, didapati lengang etapi pam petrol sesak sehingga pelanggan perlu menunggu siliran membuat pengisian.

Berdasarkan hasil tinjauan antara jam 7 hingga 9 pagi tadi, pembelian berulang untuk pengisian RON95 dilihat masih berlaku walaupun kerajaan mengumumkan ia dilarang di semua stesen minyak di Kelantan lagi mengelak petrol bersubsidi diseleweng ke negara jiran.

## KPDN serbu peniaga kedai makan kenakan caj transaksi kod QR

**MELAKA:** Sebuah kedai di Medan Selera Jalan Tun Ali, Kampong Morten di sini yang mengenakan caj satu peratus atau minimum 10 sen untuk setiap transaksi kod QR disebut pihak berkuasa semalam.

Alasan peniaga wanita berusia 60-an mengenakan caj

berkenaan kerana mendakwa dikenakan oleh penyedia perkhidmatan pembiayaan tanpa tunai tersebut.

Seorang pelanggan mendakwa dia perlu membayar RM14.20 walaupun harga makalan dibelinya bermula RM14 sahaja.

Pengaruh Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sata Hidup (KPDN) negeri, Norena Jaafar berkata, sentakan pihaknya dengan penyedia perkhidmatan pembiayaan tanpa tunai terlibat mendapati, tiada caj dikenaikan kepada pelanggan.

"Ini merupakan satu kesala-

han dan kertas siasatan sedang dibuat. Saya hendak maklumkan bahawa perkara ini diloesan sejak awal tahun ini.

"Saya hendak tegaskan bahawa ketika harga ini tidak berlaku sebahagian besar kerana diesel, ini dilakukan sejak awal tahun dan terdapat unsur mengambil

kesempatan," katanya ketika ditemu selepas selesai operasi.

Kata Norena, siasatan dilakukan atas kesalahan mencutut di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 manakala premis itu turut dikompaun RM200 selepas didapati tidak memperkeralkan tanda harga.

KPDN kesan caj tambahan dikenakan kepada pelanggan setiap kali pembayaran

## Peniaga 'curi' 10 sen bayar guna QR

MELAKA — Sebuah gerai di median selera dekat sini, diserbu Komuniti Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup (KPDN) negeri selepas dikesan mengenakan caj tambahan setanyak 10 sen setiap kali pelanggan membayar menggunakan kod QR.

Pengarah KPDN negeri, Noraini Jaafar berkata, serbuan kira-kira pukul 10.30 pagi itu dilakukan selepas menerima aduan daripada pengguna mendakwa dikenakan caj tambahan apabila menggunakan e-dompet di gerai tersebut.

"Peniaga berusut 50-an itu memberitahu pelanggan bahawa caj 10 sen dikenakan bagi bayaran bawah RM10, kalau bawah RM20 ia menjadi 20 sen dan ia adalah tetapan dihantui oleh pihak bank bagi penggunaan perkhidmatan e-dompet."

"Bagaimanapun, ini sama sekali tidak benar. Peniaga ini gunakan kod QR daripada percadal. Bayarlah dan kita juga telah menghubungi syarikat terabit dan mengesahkan tiada caj tambahan 10 sen dikenakan dalam perkhidmatan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas selesai membuat serbuan di premis



PENGUAT KUASA KPDN Melaka menyerbu sebuah gerai di median selera di Melaka selepas dikesan mengenakan caj tambahan 10 sen setiap kali pelanggan mengimbas kod QR disediakan semalam.

berkenaan di sini semalam.

Tambahnya, satu kertas nisan akan dibuat berhubung kesalahan serius itu dan tindakan kompaun telah dikenakan terhadap pemilik gerai di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipersatuan (AKHAP) 2011.

"Kita percaya kegagalan mengenakan caj tambahan ini telah dibuat sejak awal tahun ini, bukanlah dalam tempoh konakan diesel baru-baru ini."

"Memang peniaga ini melakukan kesalahan ini secara terang terangan, ada unsur dia mengambil kesempatan terhadap pelanggan melalui cara imbasan kod QR," ujarnya.

Sementara itu, seorang pelanggan ketika ditemui membenarkan dia berasa teranang apabila terpaksa membayar caj tambahan 20 sen untuk sarapan pagi yang dirikmatinya.

"Harga makmuran saya RM94, rata-rata apabila imbas kena RM14.20. Walaupun rilatnya cuma 20 sen, namun saya agak terkejut kerana rata-rata pernah lagi kena macam tu di kedai lain."

"Peniaga beritahu caj berkenaan bank yang tetapkan tetapi tiada pula nota makluman ditampai di premis berkenaan," katanya.

## Caj 1% guna kod QR, peniaga kedai makan di kompaun

**Melaka:** Sebuah gerai menjual makanan dikompaun RM200 selepas diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Melaka apabila didakwa mengenakan caj tambahan sebanyak satu peratus bagi setiap transaksi penggunaan Kod Respons Pantas (Kod QR).

Pengarah KPDN Melaka Norena Jaafar berkata, serbuan di Medan Selera Jalan Tun Ali, Kampung Morten itu dibuat berdasarkan aduan diterima daripada pengguna selepas mendapati menu sarapan dibeli mereka dikenakan caj tambahan 10 sen bagi makanan

dan minuman berharga RM3.70.

Beliau berkata, pelanggan itu terpaksa membayar RM3.80 selepas membuat pembayaran menggunakan platform pembayaran itu dan seterusnya satu aduan kepada KPDN Melaka dilakukan.

"Alasan diberikan peniaga itu kerana terpaksa menanggung caj perkhidmatan oleh pihak perbankan, namun semakan yang dilakukan mendapati ia tidak

benar, termasuk tiada notis pemakluman daripada pihak penyedia perkhidmatan transaksi terbaik.

"Peniaga dikenakan kompaun RM200 kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan

(AKHAP) 2011 dan dalam masa yang sama, satu kertas siasatan akan dibuka bagi tindakan lanjut," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Norena berkata, walaupun kes

itu yang pertama di Melaka dan sudah diambil tindakan, namun perkara terbabit dikesan sejak awal tahun ini, yang sekali gus menunjukkan ke naikan harga bukan disebabkan isu kenaikan harga diesel.

"Kami nasihatkan kepada pengguna yang menggunakan kaedah transaksi perbankan dalam talian ini sentiasa cakna dengan menyemak resit dan harga yang dicaj oleh penjual. Ini kerana ramai yang tidak perasan mereka dikenakan caj tambahan dan peniaga pula hanya memberitahu sekiranya ditanya," katanya.

**Alasan peniaga terpaksa tanggung caj pihak perbankan**  
*Norena Jaafar*

**Kota Bharu:** Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di stesen minyak di kawasan sempadan negeri ini dilaksanakan pada tahun ini dalam usaha menangani masalah penyeludupan petrol dan diesel.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan Azman Ismail berkata, perbincangan berhubung perkara itu kini berada di peringkat akhir.

"Sekarang ini perbincangan berhubung pemasangan CCTV sudah di peringkat akhir dan pihak kerajaan meminta saya membuat pemilihan stesen minyak untuk pemasangan berkenaan."

"Pemasangan CCTV membabitkan stesen minyak di Pengkalan Kubor, Rantau Panjang dan Bukit Bunga.

"Bagi pengusaha yang enggan membenarkan pemasangan CCTV dibuat, kita akan menarik lesen mereka," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.



## *Pasang CCTV tangani penyeludupan*

Mengulas lanjut katanya, menerusi pemasangan CCTV berkenaan, pihaknya akan memantau terus dari pejabat dan boleh melihat aktiviti yang berlaku di stesen minyak berkenaan.

"Kami akui ketika perbincangan dibuat, terdapat bantahan daripada pengusaha stesen minyak yang mengemukakan pelbagai alasan termasuk tiada privasi dan faktor keselamatan.

"Namun, kami tidak mengambil kira alasan berkenaan, apa yang pasti kita mahu memastikan aktiviti penyeludupan petrol dan diesel dapat ditangani," katanya.

Muka depan Harian Metro semalam melaporkan pam diesel di beberapa stesen minyak sekitar kawasan sempadan, di sini, didapati lengang, tetapi pam petrol sebaliknya sesak sehingga pelanggan perlu

menunggu giliran untuk membuat pengisian bahan api itu.

Malah, berdasarkan tinjauan seawal jam 7 hingga 9 pagi, pembelian berulang untuk pengisian RON95 di lihat masih berlaku walaupun kerajaan baru-baru ini mengumumkan ia dilarang di semua stesen minyak di Kelantan bagi mengelak petrol bersubsidi itu diseleweng ke negara jiran.

# Kedai caj 10 sen guna kod QR diserbu KPDN

Peniaga  
dikompaun  
RM200 di bawah  
AKHAP 2011

Oleh NOR FARHANA  
YAACOB  
MELAKA

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Melaka menyerbu premis makanan di Medan Selera Jalan Tun Ali, Kampung Morten, di sini yang didakwa mengenakan caj tambahan sebanyak satu peratus atau 10 sen bagi penggunaan kod QR.

Pengarahnya, Norena



Pegawai penguat kuasa KPDN memeriksa premis yang mengenakan caj tambahan satu peratus bagi penggunaan kod QR.

Jaafar berkata, serbuan kira-kira jam 10.40 pagi itu berdasarkan aduan diterima daripada pengguna yang mendakwa premis menjual menu sarapan itu mengenakan caj tambahan sebanyak

10 sen bagi makanan dan minuman berharga RM3.70.

Menurutnya, pelanggan terpaksa membayar sejumlah RM3.80 setelah membuat bayaran menggunakan kad tersebut.

Katanya, peniaga itu memberikan alasan caj tambahan tersebut dikenakan kerana terpaksa menanggung caj perkhidmatan oleh pihak perbankan namun siasatan mendapati ia tidak berlaku.

"Perkara ini dikesan sejak awal tahun ini sekali gus menunjukkan bahawa kenaikan harga itu bukan disebabkan isu kenaikan harga diesel," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita susulan aduan itu di Kampung Morten di sini, pada Rabu.

Tambahnya, peniaga tersebut turut dikenakan kompaun RM200 kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

# Growth must benefit the rakyat

THE Institute of Strategic Analysis and Policy Research (Insap) extends congratulations to Prime Minister Tan Sri Seri Anwar Ibrahim and the Malaysian government for successfully hosting Chinese Premier Li Qiang, officially marking the 50th anniversary of Malaysia-China relations.

Kudos to the administration for facilitating the signing of 14 memorandums of understanding (MOUs) between the two nations. The MOUs could potentially bring in a total investment of RM13.2bil, contingent upon realisation. This milestone underscores the importance of the multilateral trade system and mutual interdependence, particularly with the Red Dragon of Asia.

Insap continues to value the strong bilateral relationship established between our two nations over the past few decades. While this diplomatic landmark highlights the strategic importance of our China relations, we should acknowledge that many Malaysians are not as enthusiastic about the achievements recorded during Premier Li's three day visit. This is not due to the insignificance of China but rather because the Malaysian people are currently experiencing challenging times domestically.

The essence is that despite these promising headlines from



**People's concerns:** While news of increasing investment numbers is encouraging, ordinary people are still struggling with escalating prices of essential items. — ZAZALI MUSA/The Star

all the agreements, many ordinary Malaysians continue to face significant challenges and would argue that these rosy figures often translate poorly into mitigating everyday economic challenges. These challenges reflects primarily in the rising cost of living whereby costs of essentials from food to healthcare have soared at worrying rates.

Evidence from the ground supports this reality; the UCSI Poll Research Centre highlighted earlier this year that close to 90% of Malaysians are deeply troubled by the current uptrend in living

costs. The purchasing power of Malaysians has also further eroded due to the rationalisation of fuel subsidies, expansion of tax structures, and surges in utility tariffs.

While Insap acknowledges the necessity to alleviate fiscal pressure and stimulate economic growth, current policies often seem to prioritise enhancing economic indicators over the rakyat's wellbeing. The administration's approach to economic growth appears to be one-size-fits-all rather than a phased and targeted implementation that would allow

the rakyat some breathing space.

For instance, a comprehensive tax system like GST (goods and services tax) based on consumption could have been reimplemented rather than introducing new taxes and increasing existing tax rates to plug SST (sales and services tax) shortcomings. Ultimately, the approach to stimulating the economy should focus not only on preventing favourable statistics but also on ensuring that the rakyat, the backbone of these numbers, truly benefit.

Is the administration taking all of this on board, or will optimistic projections and reassuring rhetoric continue to obscure the harsh reality of a nation lagging behind, especially for our younger generation?

International benchmarks underscore Insap's worries. Our Pisa (Programme for International Student Assessment) scores have seen a significant decline, the steepest in Asia, now placing us below the OECD (Organisation for Economic Cooperation and Development) average in three key domains: Mathematics, Science, and Reading Literacy.

Meanwhile, the Madani economic framework's ambition to enhance Malaysia's global competitiveness seems increasingly elusive, as reflected in a seven-

spot drop in this year's IMD (International Institute for Management Development) ranking, falling behind Indonesia and Thailand for the first time.

Insap believes the administration must start to strengthen domestic economic resilience. This is essential before looking across borders so we can provide a stable foundation for international partnerships and foreign investment. This would positively impact the rakyat's lives rather than just produce good statistics.

A strong domestic economy begins by addressing the immediate economic challenges Malaysians face, with targeted and well-thought-out policies.

Without this focus, the full potential of international agreements and investments will not be realised. Ensuring that economic growth translates into tangible benefits for all Malaysians is key to fostering both domestic and international economic success.

**DATUK DR PAMELA YONG**  
Chairman  
Institute of Strategic Analysis  
and Policy Research (Insap)

Established in 1986, Insap is one of the pioneer think tanks in Malaysia, and focuses on political-economic research.

மலாக்கா, ஜூன் 27-  
வாடிக்கையாளர்கள் ஓவ்வொரு  
முறையும் கிழுதூர் குறியீடு  
மூலம் பணம் செலுத்தும்போது  
ஓர் உணவுக் கடை 10 காசு  
கூடுதல் கட்டணம் விதித்  
திருப்பது அம்பலமானது. மாநில  
உள்நாட்டு வர்த்தக, வாழ்க்கைக்  
செலவினத்துறை அதிகாரிகள்  
மலாக்காவில் உள்ள அந்த  
அங்காடிக் கடையை சோதனை  
செய்தபோது இது தெரிய வந்தது  
என்று அத்துறையின் மாநில  
இயக்குநர் நோரினா ஜூபார்  
தெரிவித்தார்.  
அந்த உணவுக் கடையில்  
இ-வாலட் மூலம் கட்டணத்தை  
செலுத்தும்போது கூடுதல்  
கட்டணம் விதிக்கப்பட்டிருப்பதாக



## கிழுதூர் குறியீடு சேவை 10 காசு கூடுதல் கட்டணமா?

பயனிட்டாளர்கள் புகார்  
செய்ததை அடுத்து அந்த  
உணவுக் கடையில்  
அதிகாரிகள் அதிரடிக்  
சோதனை நடத்தினார்.  
10 ரிங்கிட்டிற்கும்  
குறைவாக செலுத்  
தினால் 10 காசு கூடுதல்  
கட்டணம் விதிக்கப்படும்  
என 50 வயது கடைக்காரர்  
வாடிக்கையாளரிடம்  
கூறியிருக்கின்றார். அதேசமயம்  
20 ரிங்கிட்டிற்கும் குறைவாகக்  
கட்டணம் செலுத்தினால்  
கூடுதலாக 20 காசு கட்டணம்  
விதிக்கப்பட்டுள்ளது.  
இ-வாலட் சேவைக்கு  
வங்கி தாப்பு நிர்ணயித்  
திருக்கும் விதிமுறை இதுவும்

### உணவுக்கடை மீது நடவடிக்கை

எனவும் அந்தக் கடைக்காரர்  
கூறிக்கொண்டதாகத் தெரிய  
வருகிறது. கடைக்காரர்  
சொல்வதில் உண்மையில்லை.  
பாயார்லா செயலியை  
நிர்வகிப்போரிடம் இருந்து  
கிழுதூர் குறியீட்டு முறையை  
இந்த வணிகர் பயன்படுத்து  
கிறார். சம்பந்தப்பட்ட  
நிறுவனத்துடன் நாங்கள்  
தொடர்பு கொண்டு பேசி  
னோம். அந்தச் சேவைக்கு  
10 காசு கூடுதல் கட்டணம்  
என்று எதுவும் இல்லை என  
சம்பந்தப்பட்ட தாப்பு தங்களிடம்  
தெரிவித்திருப்பதாகவும் நோரினா  
கூறினார். சம்பந்தப்பட்ட கடைக்

காரர் மீது சட்டப்படி நடவடிக்கை எடுக்கப்படும் என்றார் அவர்.

இதற்கிடையே காலை உணவு சாப்பிடச் சென்றபோது 20 காசு கூடுதல் கட்டணம் தமக்கு விதிக்கப்பட்டிருப்பதாக பயனிட்டாளர் ஒருவர் முறையிட்டிருக்கின்றார். நான் சாப்பிட்ட உணவு விலை 14 ரிங்கிட் ஆணால் 14 ரிங்கிட் 20 காசு கட்ட வேண்டும் என ஏசீது வந்தது. வெறும் 20காசுதான் என்றாலும் இப்படி எல்லாம் கட்டணத்தை வசூலிக்கக் கூடாது என்றார் அவர்.

## வியாபாரிகள் முட்டைகளை கூடுதல் விலைக்கு விற்பனை செய்யவில்லை

புதூரிலூயா, ஜூன் 27-  
அமைச்சரியில்  
அரசாங்கம் முட்டைகளை  
சில்லறை விலையை  
அறிவித்துள்ள வேலையில்,  
வியாபாரிகள் யாரும் அதனை  
கூடுதல் விலைக்கு விற்பனை  
செய்யவில்லை என  
உத்தாட்டு வாணிப,  
வாழ்க்கை செலவினத்  
துறை அமைச்சர் தலைவரை  
இயக்குநர் டத்தோ அமைச்சர்  
அடாம் கூறினார்.

இம்மாதம் 17ஆம்  
நேடி அரசாங்கம் அதற்கான  
புதிய சில்லறை விலையை  
அறிவித்துள்ள வேலையில்,  
கட்டத் தழு நட்களை  
அமைச்சர் அமலாக்கப்  
பிரிவின் நாடு முழுவதும்  
சேதங்களைய மேற்கொண்ட  
வேலையில், வியாபாரிகள்  
அதனை கூடுதல் விலைக்கு  
விற்பனை செய்யவில்லை



என தெரிய வந்தது வெற்றார்.

மக்கள் துதிகாலக் கூடும் காலைச் சந்தை,  
மாசிக்கெட், போங்காடு ஆகியவற்றில் அமைச்சரின்  
கமர் 2,200 அமலாக்கப் பிரிவினர் தீவி  
சேதங்களைய பேற்றிகொண்டபோது இது தெரிய  
வந்ததாக அவர் சொன்னார்.

எனினும், விற்பனை செய்யப்படும் முட்டை  
கூடுக்கு விலைப் பட்டியல் வைக்காது காரணத்  
தீர்க்காக ஆறு வியாபாரிகளுக்கு எதிராக

அமைச்சர் அமலாக்கப்  
பிரிவினர் தீவி  
ஏக்கை எடுத்துள்ளதாக  
தேவை வெளியிட்ட ஒர்  
அறிக்கையில் அவர்  
தெரிவித்தார்.

முட்டையின் விலை  
3 காச் குறைக்கப்பட்டு  
ஏ விரோட்டுடை 42.  
காக்கும் ஏ விரோட்டுடை 40.  
காக்கும் சி விரோட்டு  
முட்டை 38 காக்கும்  
விற்பனை செய்யப்படும்  
என இம்மாதம் 17ஆம் தேவி  
பிரதமர் டத்தோபூரி அவர்வார்  
இப்பாவுரிம் அறிவித்  
திருத்தார்.

அமைச்சரியில்  
அரசாங்கம் அறிவித்திருத்த  
இலக்கிடப்பட்ட மசுக்கால  
உதவித் தொகையின் மூலம்  
கேக்ரிக்கப்பட்ட பண்ணதை  
மீண்டும் மக்களுக்காக  
செலவு செய்யும் வகையில்  
முட்டை விலையை

3. காக்கு அரசாங்கம்  
குறைத்துள்ளதாகவும் பிரதமர்  
கூறியிருந்தார்.  
உந்தாடு வாணிப,  
வாழ்க்கை செலவினத்துறை  
அமைச்சர் விதிமுறைகளை  
பிஸ்பர்டும் அதேவேளையில்,  
நெறிமுறைகளுடன் வியாபாரம்  
செய்து வரும் நாட்டுதான்  
வியாபாரிகளுக்கு தாம் நன்றி  
கூறிக் கொள்வதாகவும் அவர்  
சொன்னார்.

முட்டையை கூடுதல்  
விலைக்கு விற்பனை  
செய்யப்பட்டால் பொது  
யக்க 019-2488000  
எந்த எண்ணில் புவனம்  
(வாட்டு அப்) வாயிலாகவும்  
1-800-886-800 எந்த  
தட்டாமில்லா தொலைபேசி  
எண்கள் மூலமாகவும் cadam.  
kpdn.gov.my எந்த துகப்பக்கம்  
மூலமாகவும் புகார் கொடுக்க  
கூடிய எந்தார்.

அதேவேளையில்,  
e-aduan@kpdn.gov.my எந்த  
மின்அனுசால் மூலமாகவும்  
03-88826088/8245 எந்த  
அமலாக்கப் பிரிவின் தடவ  
யுக்கை அங்கு மூலமாகவும்  
புகார் கொடுக்கலாம் எனவும்  
அவர் தெரிவித்தார்.

## Caj 10 sen guna kod QR, peniaga kedai makan dikompaun

**MELAKA:** Sebuah gerai menjual makanan dikompaun RM200 selepas diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka apabila didakwa mengenakan caj tambahan sebanyak satu peratus bagi setiap transaksi penggunaan Kod Respons Pantas (Kod QR).

Pengarah KPDN Melaka Norena Jaafar berkata, serbuan di Medan Selera Jalan Tun Ali, Kampung Morten tersebut dibuat berdasarkan aduan yang diterima daripada pengguna selepas mendapati menu sarapan yang dibeli mereka dikenakan caj tambahan 10 sen bagi makanan dan minuman yang berharga RM3.70.

Beliau berkata, pelanggan itu terpaksa membayar RM3.80 setelah membuat pembayaran menggunakan platform pembayaran itu dan seterusnya satu aduan kepada KPDN Melaka dilakukan.

“Alasan yang diberikan peniaga itu adalah kerana terpaksa menanggung caj perkhidmatan oleh pihak perbankan, namun semakan yang dilakukan mendapati ia tidak benar, termasuk tiada notis pemakluman daripada pihak penyedia perkhidmatan transaksi tersebut.

“Peniaga tersebut dikenakan kompaun RM200 kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dan dalam masa yang sama, satu kertas siasatan akan dibuka bagi tindakan lanjut,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Mengulas lanjut, Norena berkata walaupun ketestersebut adalah yang pertama di Melaka dan diambil tindakan, namun perkara tersebut telah dikesan sejak awal tahun ini, yang sekali gus menunjukkan kenaikan harga adalah bukan disebabkan isu kenaikan harga diesel. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS-SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARikh 27 JUN 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Jun	KPDN serbu kedai sarapan kenakan caj tambahan guna kod QR	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671931/berita/semasa/kpdn-serbu-kedai-sarapan-kenakan-caj-tambahan-guna-kod-qr#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/671931/berita/semasa/kpdn-serbu-kedai-sarapan-kenakan-caj-tambahan-guna-kod-qr#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
27-Jun	Peniaga 'curi' 10 sen setiap kali pelanggan imbas kod QR	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/06/26/peniaga-curi-10-sen-setiap-kali-pelanggan-imbas-kod-qr/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/06/26/peniaga-curi-10-sen-setiap-kali-pelanggan-imbas-kod-qr/#google_vignette</a>	KOSMO
27-Jun	Kedai caj 10 sen imbas kod QR diserbu KPDN	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/06/26/kedai-caj-10-sen-imbas-kod-qr-diserbu-kpdn/">https://malaysiagazette.com/2024/06/26/kedai-caj-10-sen-imbas-kod-qr-diserbu-kpdn/</a>	MALAYSIA GAZETTE
27-Jun	KPDN serbu peniaga caj transaksi kod QR	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/06/kpdn-serbu-peniaga-caj-transaksi-kod-qr/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/06/kpdn-serbu-peniaga-caj-transaksi-kod-qr/</a>	UTUSAN MALAYSIA
27-Jun	Bekas pemandu lori didakwa miliki diesel tanpa lesen sah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671911/berita/semasa/bekas-pemandu-lori-didakwa-miliki-diesel-tanpa-lesen-sah">https://www.sinarharian.com.my/article/671911/berita/semasa/bekas-pemandu-lori-didakwa-miliki-diesel-tanpa-lesen-sah</a>	SINAR HARIAN
27-Jun	Penyasaran subsidi diesel langkah tidak popular, tapi bawa kestabilan fiskal - Ahli Ekonomi	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/penyasaran-subsidi-diesel-langkah-tidak-popular-tapi-bawa-kestabilan-fiskal-ahli-ekonomi-476344">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/penyasaran-subsidi-diesel-langkah-tidak-popular-tapi-bawa-kestabilan-fiskal-ahli-ekonomi-476344</a>	ASTRO AWANI
27-Jun	Tiada peniaga dikesan jual telur melebihi harga ditetapkan - KPDN	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/tiada-peniaga-dikesan-jual-telur-melebihi-harga-ditetapkan-kpdn">https://www.suarakeadilan.my/post/tiada-peniaga-dikesan-jual-telur-melebihi-harga-ditetapkan-kpdn</a>	SUARA KEADILAN
27-Jun	KPDN Johor sita 4,505 kg minyak masak bersubsidi	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-johor-sita-4-505-kg-minyak-masak-bersubsidi">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-johor-sita-4-505-kg-minyak-masak-bersubsidi</a>	BERITA RTM

27-Jun	Over 4.5 tonnes of cooking oil seized in raid at Johor warehouse	<a href="https://headtopics.com/my/over-4-5-tonnes-of-cooking-oil-seized-in-raid-at-johor-54819125">https://headtopics.com/my/over-4-5-tonnes-of-cooking-oil-seized-in-raid-at-johor-54819125</a>	HEAD TOPICS
27-Jun	'Tak letak tanda harga sebab pelanggan banyak warga asing'	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671952/berita/semasa/tak-letak-tanda-harga-sebab-pelanggan-banyak-warga-asing">https://www.sinarharian.com.my/article/671952/berita/semasa/tak-letak-tanda-harga-sebab-pelanggan-banyak-warga-asing</a>	SINAR HARIAN
27-Jun	KPDN pasang CCTV, pantau langsung aktiviti stesen minyak di sempadan	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/26/kpdn-pasang-cctv-pantau-langsung-aktiviti-stesen-">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/26/kpdn-pasang-cctv-pantau-langsung-aktiviti-stesen-</a>	FREE MALAYSIA TODAY
27-Jun	'Tarik lesen kalau bantah CCTV dipasang di stesen minyak'	<a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1263610/tarik-lesen-kalau-bantah-cctv-dipasang-di-stesen-">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1263610/tarik-lesen-kalau-bantah-cctv-dipasang-di-stesen-</a>	BERITA HARIAN
27-Jun	Kedai Di Melaka Caj 10 Sen Bagi Pelanggan Guna Pembayaran QR Sudah Diserbu KPDN	<a href="https://lobakmerah.com/kedai-di-melaka-caj-10-sen-bagi-pelanggan-guna-pembayaran-qr-sudah-diserbu-kpdn/">https://lobakmerah.com/kedai-di-melaka-caj-10-sen-bagi-pelanggan-guna-pembayaran-qr-sudah-diserbu-kpdn/</a>	LOBAK MERAH
27-Jun	Food seller gets compound for charging 10 sen to use QR code	<a href="https://thesun.my/local-news/food-seller-gets-compound-for-charging-10-sen-to-use-qr-code-NH12624696">https://thesun.my/local-news/food-seller-gets-compound-for-charging-10-sen-to-use-qr-code-NH12624696</a>	THE SUN
27-Jun	Caj 10 sen guna kod QR, peniaga kedai makan dikompaun	<a href="https://www.melakahariini.my/caj-10-sen-guna-kod-qr-peniaga-kedai-makan-dikompaun/">https://www.melakahariini.my/caj-10-sen-guna-kod-qr-peniaga-kedai-makan-dikompaun/</a>	MELAKA HARI INI